

# PM: Kerajaan tak akan tolak ansur

Oleh KAMARUZAMAN MOHAMAD dan SITI HATIJA YUSOF

**K**LANG 17 Jan. — Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan, kerajaan tidak akan bertolak ansur dengan sikap segelintir rakyat yang menggunakan isu pengambilan tanah mereka sebagai 'senjata' dan ugutan, terutama menjelangnya pilihanraya umum.

Perdana Menteri berkata, beliau yakin segelintir rakyat yang menentang itu telah diperalatkan oleh ahli-ahli politik pembangkang dan pihak-pihak berkepentingan yang telah bankrap dengan idea.

Beliau berkata, tindakan tegas akan diambil bagi mengelakkan perbuatan golongan minoriti ini daripada menjejaskan kepentingan majoriti yang inginkan kemajuan dan pembangunan.

"Kalau perbuatan mengugut itu dilayan, rakyat terpaksa membayar semuanya (pembangunan) dengan harga yang cukup tinggi kerana adanya orang yang macam ini (penting diri).

"Malah saya tahu dekat dengan pilihanraya ini, dia akan mengamuk tetapi jika tidak ada orang yang pergi cucuk dia boleh bersurai apabila polis meminta berbuat demikian," katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian kepada para pemberita selepas membuat lawatan terhadap Projek Kembar Landasan Berkembar KTM Berhad dari Kuala Lumpur-Klang di sini, hari ini.

Beliau mengulas penahanan 33 petani, termasuk 10 wanita yang bertindak keterlaluan dengan berhimpun secara haram bagi menghalang syarikat pemaju daripada membawa masuk jentera berat ke tapak projek bersepadu ternakan udang harimau di Kerpan, Alur Setar Kedah.

Projek yang menimbulkan kontroversi itu adalah usahasama antara kerajaan negeri dan Kumpulan Binadin dari Arab Saudi.

Ia tertangguh hampir 20 bulan kerana dibantah

oleh segelintir penduduk tempatan.

Ketua Polis Kedah, Timbalan Pesuruhjaya Datuk Abas Johar berkata, polis terpaksa bertindak tegas dengan menahan mereka apabila arahan supaya bersurai dan tidak menghalang penghantaran jentera berat ke tapak projek diingkari.

Menurut Dr. Mahathir, kerajaan tidak boleh bertolak ansur dengan golongan minoriti yang cuba menghalang projek pembangunan yang sudah dipersetujui 90 peratus penduduk Kerpan.

"Mereka ingat sudah dekat dengan pilihanraya ini bolehlah ugut kerajaan (bayar pampasan lebih tinggi jika mahu ambil tanah)," katanya.

Katanya, nilai tanah sawah di Kerpan naik hanya selepas kerajaan negeri bersetuju untuk memajukannya secara usahasama dengan syarikat Arab Saudi itu.

"Syarikat berkenaan telah bersetuju untuk membayar pampasan sehingga RM15,000 serelung kepada tanah yang pada mulanya

bernilai hanya RM1,000 dan RM2,000 serelung saja di samping menawarkan saham syarikat kepada pemilik tanah terbabit, apa yang mereka mahukan lagi," katanya.

Beliau berkata, golongan minoriti itu seharusnya bersyukur kerana jika tanah tersebut tidak dimajukan, para petani itu tidak mungkin dapat menikmati harga yang tinggi seperti yang ditawarkan oleh syarikat itu kerana tanah berkenaan hanya mampu mencapai setakat RM3,000 serelung jika terus tidak dimajukan dalam tempoh 10 tahun lagi.

"Kalau mereka duduk kerja tanam padi sampai 10 tahun lagi, belum tentu dapat banyak itu. Saya tahu tanam padi hanya boleh perolehi antara RM200 hingga RM300 setahun," katanya.

Bagaimanapun, katanya, golongan yang tidak faham kenaikan harga tanah itu menuntut supaya pampasan sebanyak RM-50,000 serelung atau RM-150,000 sehektar dibayar jika kerajaan ingin mengambil tanah mereka.